

Ruj.Kami: SPA.U(S)/2704/13 Jld.7(3)

Tarikh: 29 Mei 2007

Ketua Setiausaha Negara
Jabatan Perdana Menteri
Bahagian Istiadat & Urus setia
Persidangan Antarabangsa
Aras 5-6, Blok B3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik V. Valluvan Veloo)

Tuan,

**PERMOHONAN UNTUK MENGURUSKAN PROSES PERLANTIKAN PEGAWAI
PERHUBUNGAN AWAM GRED S44 DAN PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN
GRED N17 SECARA KONTRAK**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk surat tuan Bil. JPM:PICC/S/3/01/25(9) bertarikh 11 Mei 2007 mengenai perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam Mesyuaratnya yang ke - 2360 pada 28 Mei 2007 telah bersetuju mewakili kuasa pelantikan secara kontrak untuk satu (1) jawatan Pegawai Perhubungan Awam Gred S44 dan enam (6) jawatan Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri kepada Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri bagi urusan dari peringkat iklan sehingga ke peringkat temu duga dan pemilihan calon yang berjaya. Bagi maksud lantikan, calon-calon yang berjaya hendaklah diperakukan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk persetujuan dan urusan pelantikan.
3. Sukalah diingatkan agar calon-calon yang dipilih hendaklah memenuhi semua syarat skim jawatan yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(MUHAMMAD HAZAM BIN HAJANAN)
Bahagian Pengambilan,
s.p. Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
MALAYSIA.

DIBATALKAN
(Keputusan Mesyuarat Suruhanjaya bertarikh 25 November 2024)